

Construction Week 19.0 FPTP 2025 - Lonjak Kemahiran Digital Pelajar Generasi Baharu

PARIT RAJA – Program Construction Week ke-19 (CW19.0), anjuran Jabatan Pengurusan Pembinaan dan Kelab Pengurusan Pembinaan (CMC), Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), telah berjaya dilaksanakan pada 16 hingga 19 Jun 2025 bertempat di Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA), UTHM.



Program ini menyediakan platform interaktif bagi perkongsian ilmu dan pengalaman antara pemain industri pembinaan daripada pelbagai agensi dengan mahasiswa, khususnya dalam memberi pendedahan terhadap teknologi dan amalan industri terkini.

Bertemakan "*Transforming Construction for the Next Generation*", CW19.0 kali ini menampilkan lapan orang penceramah jemputan serta tiga orang juri pertandingan. Antara aktiviti utama yang dijalankan termasuk:

- *Professional Body Talk: "Key Duties and Responsibilities of a Project Manager and Chartered Construction Manager"* oleh Chartered Institute of Building (CIOB) Malaysia; Ts. Br. Cheang Cheow Syen, Joesen

- *Industrial Talk: “Managing Highway Project”* oleh Ir. Mohamad Faizal bin Nurddin dari IJM Construction Sdn. Bhd
- *Industrial Demo: Demonstrasi pemasangan Solid Wall Panel* oleh Mohd Sufian Ahmad dari Kosmo Bina Sdn. Bhd
- *Career Talk – Work Abroad* oleh Mohd Syafie Ahmad, Nooryuzila Yusop dan Prof. Madya Dr. Md Asrul Nasid Masrom
- *Alumni Talk* oleh Najwa Mohammad dan Ts. Suriani Abdul Rahman
- Pertandingan Revit: “Retrofit FFTP UTHM Building” bersama juri Dr.Azmal Sabil, Dr.Aina Mardia Sallehudin dan Cik Siti Salwa Ayob.



Menariknya, CW19.0 turut membuka penyertaan kepada pelajar daripada pelbagai fakulti yang mengikuti program berkaitan pembinaan untuk menyertai pertandingan Revit tersebut. Menurut penyelaras program, Ts. Dr. Nur Arzwin Mohamed Aris, pertandingan ini dirancang bagi memenuhi keperluan tenaga kerja industri pembinaan yang semakin berteraskan digitalisasi.

“Pertandingan ini memberi peluang kepada pelajar untuk dinilai oleh pakar-pakar Building Information Modelling (BIM) dan penggiat industri pembinaan melalui tugas berkumpulan menggunakan perisian Revit,” jelas beliau.

Pertandingan tersebut turut mendapat penyertaan daripada pelajar Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) serta Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK), UTHM, selain pelajar dari FPTP sendiri.

Ketua Jabatan Pengurusan Pembinaan, Prof. Madya Gs. Ts. Dr. Sulzakimin Mohamad, menyatakan harapan agar program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang. Dalam pada itu, Dekan FPTP, Prof. Madya Dr Shafie Mohamed Zabri, yang menyempurnakan majlis penutupan CW19.0 turut berharap agar pengisian program dapat memberi impak yang bermanfaat dan berkesan kepada para pelajar.